

06/02/1997

Ibu bapa bentuk peribadi anak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kegagalan ibu bapa dan guru membentuk peribadi kanak-kanak dengan nilai-nilai baik secara berkesan, adalah antara faktor gejala sosial di kalangan remaja sekarang.

Perdana Menteri berkata, pembelajaran agama Islam yang diberi penekanan di sekolah tidak memadai tanpa ibu bapa memberikan nasihat berhubung nilai-nilai yang baik secara berterusan.

Menurutnya, ibu bapa sekarang agak kurang mengambil berat terutama dalam menasihati anak-anak setiap kali mereka keluar rumah.

"Apabila berlaku gejala sosial, ibu bapa menyalahkan guru dan guru pula salahkan ibu bapa. Pada pandangan kita, kedua-dua pihak bertanggungjawab terhadap gejala ini," katanya berucap di Perjumpaan Khas Mengenai Gejala Sosial Umat Islam, di sini hari ini.

Tanpa menafikan pentingnya guru agama, Dr Mahathir bagaimanapun berkata ibu bapa tidak boleh setakat bergantung kepada mereka bagi membina dan membentuk peribadi mulia anak-anak dalam menjadikan Islam sebagai addin.

"Banyak negara mahu menjadikan Malaysia sebagai contoh negara membangun yang maju dan pada masa yang sama tidak mengetepikan soal agama, dan pada umumnya, Malaysia memang berjaya ke arah itu (penekanan kepada ajaran Islam).

"Begitupun, masih ada cacat dan keburukan, khususnya membabitkan masalah sosial yang semakin ketara kini. Kerajaan amat prihatin untuk itu, kita mahu ia ditangani.

"Kita boleh kata, tidak ada masyarakat di dunia yang bebas daripada kecacatan, baik di segi sosial, agama, budaya, politik atau ekonomi, tetapi itu tidak bermakna kita boleh menerima kecacatan itu," katanya.

Gejala sosial membabitkan remaja Islam ialah kira-kira 67 peratus, jauh mengatasi jumlah penduduk Islam negara ini iaitu 45 peratus. Remaja Cina yang terbabit dalam gejala itu hanya 16 peratus berbanding 28 peratus jumlah mereka di negara ini.

Perdana Menteri turut mempersoalkan anggapan sesetengah pihak bahawa kepesatan pembangunan yang mewujudkan banyak pusat hiburan, kemewahan dan pendedahan multimedia, menyebabkan gejala sosial semakin buruk.

(END)